

Pengundi baru berhati-hati pilih pemimpin

Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) semakin hampir. Saya ingin berkongsi perasaan sebagai pengundi baru yang bakal kali pertama keluar mengundi pada 5 Mei depan.

Rakyat yang layak mengundi akan keluar untuk membuang undi dan memilih calon yang mereka sukai.

Dianggarkan hampir 2.5 juta pengundi yang bakal mengundi kali ini adalah pengundi baru yang terdiri daripada kalangan mahasiswa dan graduan.

Separuh pengundi baru berdaftar di Selangor

Daripada jumlah pengundi baru ini, separuh daripadanya berdaftar di Selangor dan kebanyakannya ini, calon dan parti yang bertanding semakin giat melakukan persiapan untuk memancing undi dengan manifesto masing-masing.

Sebagai pengundi baru,

“*Sebagai pengundi baru, kita akan lebih menggunakan media baru seperti blog, Twitter dan Facebook sebagai sumber rujukan, tidak hanya mendengar daripada satu pihak sahaja*”

sudah tentu kita memilih calon yang sesuai untuk memimpin pada masa hadapan. Kita tidak lagi tertumpu pada hanya satu media sahaja. Kita boleh membuat pilihan dengan membuat kajian berdasarkan maklumat di televisyen, radio, surat khabar dan internet.

Sebagai pengundi baru, kita akan lebih menggunakan media baru seperti blog, Twitter dan Facebook sebagai sumber rujukan, tidak hanya mendengar daripada satu pihak sahaja.

Rakyat memerlukan seorang pemimpin yang betul-betul menunaikan janji dan boleh menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat daripada yang hanya bercakap kosong.

Selidiki kelebihan pemimpin bertanding

Sebelum memilih wakil rakyat, kita hendaklah tahu kelebihan yang beliau miliki dan kemampuannya untuk mentadbir negara. Janganlah pula, apabila menang dalam pilihan raya umum nanti, segala janji diberikan kepada rakyat tidak ditepati dan segala kebajikan rakyat tidak dipenuhi.

Oleh itu, hendaklah kita membuat pilihan yang tepat.

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@mediaprima.com.my**.

Pilihlah calon yang benar-benar layak untuk dijadikan pemimpin dan peneraju generasi masa hadapan.

Ayuhlah kita rakyat Malaysia keluar mengundi, demi masa depan negara.

Pengundi Baru
USIM